



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN : IKLAN 81/10/17**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai  
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan  
Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEMERIKSA BURUH (C.2 EB.3)  
JABATAN BURUH  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



### **Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian III**

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang ‘Apply’;



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Kad Pengenalan.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Lesen Memandu.pdf</a>



**SIJIL** Higher National Diploma/Advanced Diploma/ Degree (Diploma Tertinggi Kebangsaan/Diploma Lanjutan/ Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** dan **PENGESAHAN PENGIFTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">PHD.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">MASTER.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">DEGREE.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HND.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HNC.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">ND.pdf</a>



**1. PEMERIKSA BURUH  
JABATAN BURUH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
C.2 EB.3 [\$1,450 - \$2,270 SEBULAN ]  
KEKOSONGAN= TIGA (03)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Buruh dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Penolong Pemeriksa Buruh atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.4 / D.3 tidak kurang dari 5 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji D.4 / D.3 tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 8 tahun.
2. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMERIKSA BURUH:**

1. Membantu Pemeriksa Buruh Kanan melaksanakan kerja-kerja yang berkaitan dengan hal-hal perburuhan disamping melaksanakan tugas-tugas harian yang diamanahkan.
2. Bertanggungjawab untuk menyelia dan melicinkan perjalanan bahagian dimana ianya ditempatkan serta menjalankan tugas-tugas harian yang diaturkan.



3. Menerima aduan dari pekerja / majikan, meneliti laporan aduan-aduan yang dihadapkan, menyiasat / menyelesaikan pertikaian pekerja / majikan dan tugas-tugas yang berhubungkait dengannya.
4. Mengadakan lawatan / rondaan / pemeriksaan dari semasa ke semasa ditempat perusahaan pekerjaan dan perumahan pekerja.
5. Menyediakan laporan pemeriksaan dan seterusnya membuat sokongan dan apa-apa jua arahan dari semasa ke semasa.
6. Pemeriksa Buruh mestilah bersedia untuk bertugas di mana-mana tempat / cawangan dan pada bila-bila masa diperlukan termasuk pada hari-hari kelepasan awam dan diluar waktu-waktu bekerja biasa.